

**Article Info:**

Published Date: 01 March 2022

\*Corresponding Author: aszulhida@yahoo.com

## ELEMEN REKAAN DAN SENI PADA BAJU KURUNG MASYARAKAT MELAYU

*Design and Art Elements of the Baju Kurung Malay Community*

Aszulhida Aman<sup>1</sup>, Ros Mahwati Ahmad Zakaria<sup>2</sup>, Zuliskandar Ramli<sup>3</sup>

Institut Alam Dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor<sup>1,2</sup>  
Kolej Kemahiran Tinggi MARA Rembau, Pedas, Negeri Sembilan<sup>3</sup>

**To cite this article (APA):** Aman, A., Ahmad Zakaria, R. M., & Ramli, Z. (2022). Design and art elements of the baju kurung malay community. *KUPAS SENI*, 10, 78-89. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.sp.9.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.sp.9.2022>

### ABSTRAK

Baju Kurung merupakan pakaian tradisional masyarakat di Alam Melayu yang dicipta oleh masyarakat Melayu sejak berkurun lamanya mengikut adat dan anutan agama Islam yang sangat indah prinsipnya. Baju yang dipadankan bersama kain ombak beralun ini dipotong dari selebar kain yang ditenun kemudian ia dicantum semula dari beberapa kepingan kain yang dipotong berbentuk geometri yang mewujudkan rekaan satu pasang baju tradisional masyarakat Melayu yang indah serta unik. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif di mana setiap garisan yang membentuk Baju Kurung akan dirujuk, pemerhatian terhadap setiapnya dihubungkait bersama elemen rekaan dan seni. Kajian ini akan mentafsir kepada lima elemen terkait di dalam pembuatan pakaian Baju Kurung mengikut elemen yang terdapat di dalam potongan pakaian tradisional tersebut. Elemen rekaan dan seni yang dikaji adalah seperti garisan, rupa, bentuk, tekstur dan warna namun ia penelitian terhad terhadap penggunaan elemen yang ada pada Baju Kurung sahaja. Hasil dari dapatan data ini digunakan bagi mentafsir nilai dan fungsi yang terdapat di dalam Baju Kurung.

**Kata kunci:** elemen, seni dan rekaan, Baju Kurung, Alam Melayu

### ABSTRACT

*Baju Kurung is a traditional dress of the community in the Malay world that was created by the Malay community for centuries according to the customs and beliefs of Islam which is very beautiful in principle. The shirt that is matched with the 'kain ombak beralun' is cut from a piece of fabric and then it is re assembled from several pieces of fabric that are cut in a geometric shape that creates a beautiful and unique design of a pair of traditional Malay clothes. This study uses a qualitative method in which each line that forms the Baju Kurung will be referenced, the observation of each is linked with the elements of design and art. This study will interpret the five related elements in the manufacture of Baju Kurung clothing according to the elements found in the traditional clothing pieces. The design and art elements studied are such as lines, form, shape, texture and color but it is a limited study on the use of elements on Baju Kurung only. The results of this data are used to interpret the values and functions found in the Baju Kurung.*

**Keywords:** elements, art and design, Baju Kurung, Malay World

## PENGENALAN

Pakaian merupakan satu objek yang diilhamkan oleh masyarakat dunia melalui persekitaran kehidupan mereka. Dari elemen alam sekitarlah wujudnya pelbagai objek yang direka bagi memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat pada ketika itu. Pada zaman batu prasejarah, manusia mencipta pakaian dari unsur alam sekitar seperti kulit pokok dan kulit binatang yang ditumbuk sehingga sesuai dipakai pada tubuh mereka (Abbas Norwani, 2006). Keperluan dan kehendak ini berubah-ubah mengikut peredaran masa dan perubahan teknologi semasa.

Pakaian juga tidak kurang mendapat pelbagai suntikan perubahan evolusi mengikut kehendak masyarakat setempat. Faktor budaya juga memainkan peranan yang penting kepada perubahan pemakaian ini. Rekaan pada pakaian terhasil dari kepercayaan masyarakat terhadap budaya dan agama mereka. Di Alam Melayu yang berlandaskan Islam sebagai pegangan hidup, maka melahirkan ilham pakaian persalinan yang sopan, unik serta tinggi nilainya. Antara pakaian wanita Melayu yang masih digunakan sehingga kini adalah seperti Baju Kurung, Baju Kebaya Panjang, baju Kebaya Pendek, Baju Kurung Kedah (Abbas Norwani, 2006). Jika dilihat pada reka bentuk Baju Kurung masyarakat Melayu, ia mempunyai pelbagai nilai dan fungsi yang tersirat dan tersurat. Fungsi ini boleh diterjemahkan di dalam bahasa seni dan rekaan. Hasil dari ilham alam semulajadi yang mereka tekstil serta baju tradisional masyarakat di Alam Melayu dipelbagaikan mengikut status sosial dan ekonomi mereka di dalam kelompok masyarakat.

Elemen rekaan adalah bahasa di dalam seni visual bagi memahami aspek penciptaan hasil sesuatu seni karya. Baju Kurung juga merupakan salah satu hasil seni di Alam Melayu yang telah direka cipta mengikut adat dan anutan agama Islam. Penghasilannya yang mewakili garisan, rupa, bentuk dan jalinan di dalam elemen rekaan dan seni. Setiap elemen ini digabungkan menjadi satu persalinan yang lengkap dan tinggi nilai prinsipnya. Hasil karya masyarakat Melayu juga boleh dikategorikan sebagai kerajinan tangan seperti tanah, batu cengkerang, kayu dan logam (Sofwan Noerwidi, 2007). Kerajinan tangan ini juga boleh dikategorikan ke dalam hasil tenunan dan jahitan masyarakat Melayu di mana hasil tangan mereka melalui tekstil yang dihasilkan sangat indah dan unik. Pelbagai hasil tekstil yang diilhamkan digunakan sehingga generasi kini dan dipelihara dengan baik seperti songket, batik dan tenunan.

### Kajian Terdahulu

Garisan adalah perkara terpenting di dalam elemen seni yang perlu diketahui di dalam meneliti hasil karya (Aris Darisman, 2012). Dari satu garisan kepada garisan yang lain dapat membentuk kepada satu hasil karya yang sempurna. Elemen rekaan dan seni ini juga merujuk kepada medium yang digunakan sebagai hasil karya yang dicipta. Seperti Baju Kurung, garisan merupakan asas terpenting di dalam penghasilannya. Elemen reka bentuk yang terdapat di dalam pakaian mempunyai bidang yang sangat luas secara teorinya serta melibatkan bidang geometri, psikologi dan fizikal masyarakat yang terlibat (Wang, 2017). Perkembangan pada konsep rekaan juga berkembang mengikut kepada peredaran zaman.

Elemen yang terdapat di dalam reka bentuk memiliki perkara yang ada di dalam semua penghasilan hasil kerja di dalam pembuatan garisan, rupa serta bentuk pakaian seperti lakaran, pewarnaan, corak seterusnya kepada peringkat menjahit dari penghasilan pembuatan tekstil yang memiliki unsur seperti tekstur serta warna yang terancang (Ozlem & Laura, 2019). Ini merujuk kepada pembuatan dari hasil tekstil dan dipadankan dengan penghasilan baju yang akan dibuat melalui fungsi tekstil tersebut. Seni Reka mengikut Walker (1989) yang dipetik dari Haziyah Hussin, Salmah Abu Mansor, Rahilah Omar, Hapsah Ismail, dan Aminuddin Hassan (2009) berhubung dengan bidang seperti grafik, hiasan dalaman, fesyen, seni bina, industry dan produk. Kesemua jurusan ini memerlukan elemen seni sebagai asas kepada rekaan yang bakal dihasilkan supaya sesuatu rekaan itu dapat difahami oleh peminat seni.

Baju Kurung dalam masyarakat Melayu di Palembang adalah salah satu karya seni terapan yang dimanifestasikan dalam bentuk tiga dimensi. Sebagai satu hasil karya seni, Baju Kurung mempunyai bentuk dan nilai estetika tersendiri. Nilai ini dilihat memberi impak kerana ianya terdiri daripada elemen visual iaitu garis, ruang, tekstur, dan warna dan disatukan untuk menjadi kesatuan organik geometri (Effriyeni, Tjetjep, & Triyanto, 2020). Maka dengan itu terhasilah pola potongan Baju Kurung wanita masyarakat Melayu. Baju Kurung di Alam Melayu direka dengan potongan yang labuh dan longgar,

sesuai dengan agama yang dianuti masyarakat tersebut (Asliza, Norwani, & Saemah, 2015). Baju tradisional ini juga direka dengan elemen kesopanan yang menjadi tunjang utama budaya masyarakat Melayu. Pola yang membentuk baju tradisional ini bermula dengan titik dan garisan lurus. Apabila dilihat pada garisan asas yang membentuk rupa dan bentuk pada Baju Kurung tersebut adalah dari segi susunan pada sambungan setiap bahagian badan, tangan, kekek dan pesak. Apabila sesuatu imej di teliti, seseorang akan mengambil setiap bahagian bagi membentuk dan menyusun visual (Suhana, 2007).

### **Permasalahan Kajian**

Kajian utama kepada penyelidikan ini adalah garisan utama di dalam rekaan yang dicantum menjadi satu rupa bentuk pakaian tradisional masyarakat Melayu. Bagaimana budaya masyarakat Melayu dahulu mengilhamkan elemen ini dan digabungkan menjadi satu persalinan yang lengkap pada badan manusia dengan mengambil kira pergerakan badan dan keselesaan ketika menyarung pakaian tradisional ini. Walaupun rekaan baju masyarakat Melayu pelbagai rupa, melahirkan ekspresi yang berbeza namun sifat seninya adalah sama. Perbincangan mengenai seni itu sendiri berbeza kerana seni mempunyai nilai sebenar, nilai abadi dan nilai bebas (Yang, 2017). Ia tidak seperti teknologi mekanikal yang boleh dilihat dengan mata kasar. Melalui nilai inilah yang akan membincangkan kepada objektif kajian tentang elemen seni yang ada pada Baju Kurung masyarakat Melayu.

### **Objektif Kajian**


Meneliti kepada permasalahan kajian yang dibincangkan, maka ianya membawa kepada objektif kajian bagi mengenalpasti elemen yang digunakan di dalam pembuatan Baju Kurung di Alam Melayu. Objektif kajian ini adalah:

1. Mengenal pasti elemen rekaan dan seni di dalam pembuatan Baju Kurung di Alam Melayu.
2. Menganalisa elemen yang diolah di dalam pembuatan penggunaan Baju Kurung masyarakat Melayu.

## **METODOLOGI**

Metod pengumpulan data yang digunakan berdasarkan kepada metode kualitatif melalui pembacaan pustaka, observasi terhadap Baju Kurung berdasarkan kepada elemen di dalam pengkajian seni visual. Pendapat serta pandangan seni visual yang diambil dari bahagian barat dan timur, ini dapat membezakan beberapa perspektif dan pandangan yang berbeza. Pendapat ini juga menjurus kepada dapatan fakta yang tepat mengenai elemen-elemen yang terdapat di dalamnya yang boleh dihubungkaitkan dengan penggunaan pola potongan serta jahitan baju tradisional wanita masyarakat di Alam Melayu ini.

Hasil perdagangan dari masyarakat luar sejak berkurun lamanya telah mempelbagaikan cara hidup masyarakat Melayu pada ketika itu. Contoh kepada pengaruh Islam yang telah membawa masuk pemikiran baju harus panjang dan lebar serta baju kebaya yang disebut sebagai ‘*abaya*’ oleh masyarakat Arab sehingga ke zaman kegembilan Melayu Melaka di mana dapat dilihat ketika itu kepelbagaian jenis tekstil direka mengikut elemen rekaan seperti Kain ikat limar dan songket. Bahan bacaan terhadap tamadun Melayu juga menyumbang beberapa fakta mengenai penilaian seni visual di mana metodologi ini mengambarkan aliran seni dari luar yang dibawa masuk ke dalam masyarakat Melayu seperti elemen garisan pada tekstil yang dilhamkan dari alam semulajadi dan persekitan masyarakat tersebut. Di bawah menunjukkan bagaimana metodologi kajian ini membawa kepada satu matlamat kajian.



**Rajah 2.** Proses analisa elemen seni terhadap Baju Kurung.

### Elemen Seni dan Rekaan

Elemen di dalam seni merupakan asas kepada sesuatu hasil karya yang dihasilkan. Pada pengayaan Baju Kurung juga memiliki elemen seni yang diterapkan bagi menampakkan keseuaian pakaian tersebut selari dengan budaya yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Elemen asas yang diilhamkan oleh mereka melalui observasi dari persekitaran dan aktiviti harian menjadikan orang Melayu menghasilkan kerajinan tangan melalui pengalaman sehari-hari mereka. Melalui hasil seni masyarakat Melayu didapati bahawa di Alam Melayu objek seni yang diilhamkan kebanyakannya berkait rapat dengan keindahan daripada teknik serta bahan yang digunakan iaitu dari sumber alam semula jadi (Haziyah Husin, Salmah Abu Mansor, Rahilah Omar, Hapsah Ismail, & Aminuddin Hassan, 2009). Penghasilan hasil seni ini terbahagi kepada dua bahagian di mana ianya adalah teknik dan estetika. Teknik lebih terkait pada proses pembuatan sehingga terlahirnya nilai estetika seni orang Melayu yang menzahirkan nilai berbentuk halus, berguna, bersatu, berlawan dan prinsip berlambang.




**Rajah 2.** Elemen yang terdapat di dalam reka bentuk atau seni.


### Garisan

Garisan merupakan satu elemen paling asas di dalam pembuatan sesuatu hasil karya rekaan dan seni. Garisan dipelbagaikan bagi mendapatkan impak yang lebih besar dan tepat. Garisan juga merupakan cantuman dari satu titik ke titik yang lain dengan memiliki jarak-jarak yang tertentu. Mengaplikasikan kepelbagaiannya garisan juga dapat membentuk rupa, jalinan, ton, corak dan menimbulkan gambaran bentuk, ruang dan gerakan. Ia juga merupakan sempadan bagi objek, bentuk, warna, permukaan terang dan gelap serta kaligrafi di dalam pembentukkan seni grafik (Kaptan, 2020). Pada pola Baju Kurung, garisan dapat dilihat pada pola luar baju

tersebut yang berbentuk geometrik. Dicantumkan garisan ke garisan menjadikan rupa dan bentuk kepada baju tradisional wanita Melayu ini. Garisan yang digabungkan melambangkan betapa ringkasnya pakaian Baju Kurung yang longgar dan labuh tetapi anggun dipakai apabila elemen rekaan dan prinsip rekaan digabungkan menjadi satu persalinan yang tinggi nilainya. Ukuran garisan pada elemen ini ditentukan oleh panjang dan lebar garisan tersebut dan penggunaan di dalam rekaan dan seni yang dihasilkan (Fichner-Rathus, 2015). Ia boleh melibatkan pelbagai jenis saiz garisan termasuk garisan pada bahagian baju Kurung yang labuh hingga ke paras lutut. Jika Baju Kurung tersebut tidak labuh sehingga ke lutut, maka ia menjadi satu rekaan yang lain kerana nilai dan fungsi Baju Kurung haruslah labuh dan longgar.



Rajah 3. Kepelbagaiannya garisan di dalam elemen reka bentuk dan seni.




Rajah 4. Garisan asas pada Baju Kurung.


Dari titik permulaan garisan hingga hujung titik garisan telah disambungkan kepada garisan seterusnya menjadikan satu pola Baju Kurung yang bercantum di antara satu sama lain. Garisan ini ditemukan bukan hanya pada dua garisan malahan lebih dari itu dan ia melahirkan satu baju yang unik rekaannya. Asal dari cantuman kain berbentuk empat segi dicantum kepada kain lain dan hasilnya berbentuk tiga segi seperti kekek yang ada kini. Jika dilihat pada mata kasar, cantuman ini tidak akan dapat dibuat jika seseorang tidak belajar mendalaminya cara jahitannya. Dari penelitian terhadap pengulangan garisan yang sama pada Baju Kurung dan seterusnya membentuk rupa yang berbeza bersesuaian dengan kehendak masyarakat di Alam Melayu tentang aturan cara pemakaian mereka. Garisan lurus ini kembang pada bahagian bawah baju berbentuk A memberi impak longgar pada baju tersebut.

## Rupa

Rupa merupakan hasil dari pertemuan hujung garisan dengan permulaannya yang membawa kepada penggunaan melalui rupa garisan, warna dan jalinan. Ia juga bersifat sesuatu yang memiliki garisan luar dan sempadan yang mengelilinginya dan dibahagi kepada dua rupa iaitu geometrid dan organic yang berbentuk 2-D iaitu bersifat tidak berjisim. Rupa geometri lebih kepada sesuatu yang memiliki sudut dan penjuru manakala organic bersifat bebas serta tidak terikat kepada sesuatu yang khusus. Pengkarya menggunakan garisan untuk membentuk rupa dan mengambarkan objek. Selain itu ia juga memainkan peranan sebagai pemisah kepada bentuk-bentuk yang terwujud (Fichner-Rathus, 2015). Rupa yang mewakili pola potongan Baju Kurung sangat jelas di mana ia menjadi satu pola asas kepada pembuatan Baju Kurung wanita di Alam Melayu. Garisan yang membentuk rupa memisahkan di antara pola badan, tangan, kekek dan pesak. Kesemua rupa ini yang digabungkan menjadi bentuk yang dikehendaki oleh masyarakat Melayu.



**Rajah 5.** Rupa di dalam elemen reka bentuk dan seni.



**Rajah 6.** Rupa pola Baju Kurung yang lengkap


Rupa kepada pola Baju Kurung memiliki pelbagai jenis yang meliputi rupa geometrik sebagai asasnya. Rupa bersegi seperti segi empat tepat, segi empat sama diulang kepada dua bahagian untuk mewujudkan pakaian ini. Jika diamati, pada potongan bahagian pesak sedikit berbeza di mana pada satu

bahagian ia akan dipotong serong mengikut bentuk badan wanita. Ini sangat sinonim dengan ajaran Islam yang menuntut wanita di Alam Melayu menutup malu.

## Bentuk

Bentuk merupakan satu sambungan dari rupa yang telah dibuat menjadikan bentuk yang memiliki sifat keluasan, ketingian, berjisim dan kebiasannya memiliki lebih dari satu permukaan. Ini menjadikan ia mempunyai struktur dalaman dan jika digabungkan dari rupa ia dapat mencipta bentuk dan terbahagi kepada dua dimensi, tiga dimensi dan pelbagai dimensi.

Bentuk pada ciptaan pola potongan Baju Kurung dilihat pada unsur dari kerahan leher kepada bahagian bawah baju tradisional tersebut. Baju yang berbentuk seperti silinder jika diteliti dari sudut atas ketika sesudah dijahit. Bentuk juga mempunyai beberapa kaitan dengan bentuk dimensi seperti silinder, kiub dan pyramid (Fichner-Rathus, 2015). Ia asalnya berbentuk rupa yang telah didimensikan oleh pengkarya. Bagi Baju Kurung, apabila ia disarungkan pada bahagian kepala, membentuk bentuk pada baju tradisional tersebut.



**Rajah 7.** Bentuk di dalam elemen reka bentuk dan seni.



**Rajah 8.** Bentuk Baju Kurung.

Bentuk Baju Kurung ini amat ringkas dan tidak memerlukan banyak garisan untuk menyempurnakan persalinan masyarakat Melayu ini. Bentuk yang bersegi dari ilham geometri dicantum dan dijahit sesuai dengan rupa bentuk wanita Melayu yang ingin pakaian mereka longgar dan labuh serta mengikut hukum syarak kepercayaan anutan masyarakat Melayu.

### Tekstur

Bagi penghayatan seni visual, tekstur merupakan kualiti permukaan sesuatu hasil karya seni yang dapat dirasakan (Ozlem & Laura, 2019). Ia mentafsirkan bagaimana objek tiga dimensi dizahirkan melalui sentuhan. Tekstur yang dapat dirasakan dengan sentuhan pada jari disebut taktil, sementara tekstur yang dihasilkan oleh pengkarya pada permukaan rata disebut tekstur visual. Tekstur taktil mempunyai sifat tiga dimensi kerana memiliki ketinggian, berbentuk lebar dan mempunyai sifat kedalaman. Tekstur visual adalah dua dimensi kerana ia tidak memiliki sifat kedalaman sebenar. Pelbagai objek di sekeliling kita memberikan contoh tekstur taktil (Yusof Aiman, 2020). Ini dapat dilihat pada pembuatan tekstil di Alam Melayu seperti songket dan sulaman kelingkan.

Menurut kepada penulisan Tria dan Mochammad (2018), teknik pencelupan shibori di dalam penghasilan pembuatan kain tekstil dapat menghasilkan teknik tekstur taktil. Di dalam pengayaan pakaian Baju Kurung Alam Melayu, terdapat pelbagai tekstur dapat disentuh dan ditafsirkan betapa hasil seni tangan masyarakat ini yang halus dan bernilai tinggi. Terdapat beberapa fokus penelitian pembuatan pakaian tradisional ini di teliti bagi mendapatkan dapatan kajian berlandaskan elemen tekstur. Elemen ini juga merujuk kepada tekstil yang boleh disentuh dengan menggunakan tangan dan dapat merasai corak yang dihasilkan pada kain tekstil tersebut (Ozlem & Laura, 2020). Namun pendapat berbeza diberi bahawa tekstur pada tekstil berbeza dengan tekstur di dalam hasil karya seni. Pada bahagian kerah leher Baju Kurung dapat dilihat akan di jahit dengan menggunakan teknik kemasan seperti jahitan Tulang Belut, mata lalat, karipap dan beberapa jahitan lagi. Dapat dilihat teksture pada jahitan ini yang sangat memberi simbol bahawa sepakatan di dalam masyarakat Melayu amat dititik beratkan oleh mereka.



**Rajah 9.** Tekstur di dalam elemen reka bentuk dan seni




**Rajah 10.** Tekstur jahitan Tulang Belut pada Baju Kurung wanita.

Ciri tekstur yang terbentuk pada Baju Kurung dapat diteliti pada bahagian lehernya yang dijahit dengan kemasan jahitan Tulang Belut. Selain jahitan ini, terdapat juga jahitan Mata Lalat, Karipap dan sebagainya. Ini juga melambangkan bahawa di Alam Melayu, kerajinan tangan mereka dicipta berunsurkan alam dan persekitaran yang ada. Dari garisan yang asal dobentuk menjadi rupa bentuk kepada tekstur yang dapat dirasa oleh tangan manusia. Jalinan ini amat kemas buatannya dan kini ia hampir pupus kerana teknologi dan rekaan fesyen terkini seolah melenyapkan unsur kemasan kerajinan tangan nenek moyang orang Melayu ini.

### **Warna**

Warna sangat memainkan peranan yang penting di dalam simbol kehidupan masyarakat Melayu sejak dulu. Baju atau kain yang berwarna kuning hanya boleh dipakai oleh golongan istana dan bangsawan melambangkan simbol mereka adalah golongan atasan bagi kelompok masyarakat tersebut. Teknologi warna ini telah lama digunakan oleh masyarakat Melayu di mana penggunaannya dapat dilihat di dalam petikan kesusastraan Melayu klasik (Che Husna Azhari, 1997). Warna asas masyarakat Melayu adalah putih, hitam, merah serta kuning. Warna merah yang dihasilkan dari kesumba dan mengkudu membawa kepada erti jati diri orang Melayu.

Di dalam kepercayaan masyarakat Melayu, warna hitam selain sering digambarkan sebagai perkara yang negative dan mistik, ia juga melambangkan kepalahwanan darjah kesatria sebagai warna hitam. Tenun dari kerajaan Siak pada tahun 1732-1858 melahirkan pelbagai tenunan sebagai kelengkapan pakaian adat yang menggunakan wrna hitam sebagai warna utama (Guslinda & Otang Kurniaman, 2016). Ini menzahirkan bahawa warna hitam merupakan salah satu warna asas masyarakat Melayu. Penjelajahan Swettenham ke Alam Melayu menerusi penulisan menyatakan bahawa beliau melaporkan warna merah Melayu yang melambangkan jatidiri orang Melayu yang merujuk kepada warna merah darah atau disebut sebagai merah kesumba.



**Rajah 11.** Warna di dalam elemen reka bentuk dan seni

Di Alam Melayu, warna seperti aur dengan tebing yang tidak dapat dipisahkan kerana teknologi warna sudah lama wujud di dalam masyarakat ini. Warna sering menjadi lambang kepada kemegahan dan status individu itu sendiri di dalam masyarakat yang banyak digambarkan daripada kesusasteraan Melayu klasik (Che Husna Azhari, 1997). Bagi warna kuning khususnya, ia adalah warna yang melambangkan warna-warna istana dan golongan bangsawan. Dapat diteliti dengan perincian dari kain pelangi yang mewarnai hasil kerja masyarakat Melayu. Kajian yang dicelup dengan pelbagai warna menjurus kepada bangsa yang maju dan bertamadun. Seperti yang terkandung di dalam Naskah Melayu Syair Agung, antara perkara yang sering disebut adalah berkaitan dengan warna serta buatannya juga dijelaskan (Adilah, Fazilah, 2016).

Antara bait-bait yang terdapat di dalam Naskah Melayu-Syair Agung berkaitan warna adalah seperti :

*...berbaju merah emas cemerlang – senjata daripada syamsir dan pedang  
lalu berjalan ke sebelah padang – diiringkan raja-raja menteri hulubalang...1945(207).*

*...berbaju ungu berawan basah – berkancing di dada lagi berserah syamsir disangkut di  
bahu sebelah – berjalan ke padang sampailah sudah...1964 ( 208).*

*...berkain songket paksi di awan – berbaju hijau berkancing intan berseluar panjang  
ragam berawan - / berbulang mastul cara keinderaan...2521 (268).*

## ANALISA DATA

Budaya masyarakat Melayu mempunyai satu ‘rupabentuk’ yang baru melalui pakaian yang dihasilkan sebagai satu identiti yang melambangkan masyarakat di Alam Melayu (Hasma Ahmad, Md Zain, Rosita Mohd Tajuddin, & Nazirah Mohamad Ba’ai, 2015). Pakiaan yang di anggap sebagai satu busana

lambang kesopanan dan ketamadunan orang Melayu. Melalui kajian dan pengamatan yang dijalankan, terdapat beberapa nilai elemen rekabentuk seni dan rekaan yang terdapat pada Baju Kurung masyarakat tersebut. Garisan, rupa, bentuk, tekstur, warna yang terdapat di dalam elemen seni diterjemahkan kepada satu rekaan Baju Kurung yang ringkas tetapi lengkap dari segi nilai dan rupanya.

Ilham pada Baju Kurung yang dihasilkan menepati kelima-lima asas elemen yang terdapat di dalam rekaan seni. Ini memberi satu gambaran yang jelas tentang rekaan Baju Kurung terhasil dari satu penelitian dari nilai budaya dan fungsi agama yang diterjemahkan kepada pakaian harian wanitanya. Setiap seni yang dihasilkan perlu diketahui bahan dan isu yang ingin diketengahkan (Taggart, 2011). Data yang diperhatikan membuktikan bahawa Baju Kurung ini terhasil dari budaya dan amalan masyarakat di Alam Melayu kerana setiap penghasilan dan elemen yang terdapat di dalam Baju Kurung menonjolkan identiti orang Melayu.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Baju Kurung yang diilhamkan oleh masyarakat Melayu sejak berkurun lamanya mempunyai elemen rekaan dan seni di dalam penghasilan pakaian tradisional ini. Busana masyarakat Melayu ini tidaklah dicipta sambil lewa melainkan memegang kepada beberapa prinsip adat dalam kehidupan. Setiap gabungan dari titik garisan sehingga membentuk kepada rupa, bentuk, texture dan warna menyatukan ilham dan tanda pada ketamadunan masyarakat Melayu yang tinggi. Ini juga disertakan bersama dengan nilai budaya Melayu yang mementingkan kepada adab dan agama Islam sebagai pegangan hidup mereka. Ini sangat terkait dengan Baju Kurung yang dihasilkan oleh masyarakat di Alam Melayu.

Gaya pengayaan Baju Kurung ini ringkas tetapi lengkap dari segi nilai dan fungsinya di dalam kehidupan masyarakat Melayu yang sangat menitik beratkan kesopanan terhadap badan manusia. Ia tidak memerlukan terlalu banyak rekaan dan garisan yang sarat bagi menghasilkan rekaan baju tradisional ini. Dari hanya beberapa garisan yang disatukan menjadikan satu hasil rekaan pakaian yang lengkap dan tinggi nilainya pada manusia.

Selain gabungan kepada beberapa garisan yang menjadi rupa, bentuk dan texture, padanan lain pada baju tersebut juga menaikkan nilai dan fungsi pada pelengkap Baju Kurung. Gabungan beberapa bentuk pakaian ini menjadikan gaya busana masyarakat Melayu sebagai persalinan yang lengkap. Setiap garisan, rupa, bentuk yang digunakan mewakili prinsip masyarakat Melayu yang harus diteliti dan dipelihara oleh generasi kini.

## RUJUKAN

- Adilah Fazilah. (2016). Makna Dan Fungsi Busana Dalam Naskah Melayu Syair Agung. *Journal of Business and Social Development*. Penerbit UMT.
- Aiman Hakim Mohd Yusof. (2020). Texture Element on Design. *Journal of Art and Design (REKA)*, 2, 35-37.
- Aris Darisman. (2012). Tinjauan Elemen Desain Pada Dunia Seni. *Jurnal Binus*. Jakarta Barat.
- Che Husna Azhari. (1997). *Teknologi Warna Alam Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia Akademika 51.
- Efriyeni Chaniago., Tjepjep Rohendi Rohidi., & Triyanto Triyanto. (2020). The Aesthetic Usage Response of Baju Kurung in Palembang City Government Tourism Office in Emphasizing Regional Identity. *Catharsis*, 9(1), 38-49.
- Fichner-Rathus, L. (2015). *Foundation of Art and Design*. Cengage Learning. United State of America.
- Guslinda., & Otang Kurniaman. (2016). *Perubahan Bentuk, Fungsi Dan Makna Tenun Songket Siak Pada Masyarakat Melayu Riau*. FKIP, Universiti Riau. *Jurnal Primary Program Studi Pendidikan Guru Sekolah Dasar*, 5(1), Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan.
- Hasma Ahmad., Md Zain., Rosita Mohd Tajuddin., & Nazirah Mohamad Ba'ai. (2015). *Analisis Kandungan Rupabentuk Fesyen Pakaian Melayu di Malaysia*. ICOMHAC2015 eproceedings. Universiti Teknologi MARA, Kedah.
- Haziyah Husin., Salmah Abu Mansor., Rahilah Omar., Hapsah Ismail., & Aminuddin Hassan. (2009). Seni, Seni Hias, Seni Reka, Reka Bentuk Dan Estetika Daripada Persepsi Umum Dan Orang Melayu. *Jurnal Pengajaran Melayu*, 20.

- Kaptan, O. (2010). *Basic Design Element ;Line' in the Art Education*. Kurumsal Akademik Arsiv. 3<sup>rd</sup> International Conference of Education, Research and Innivation (Iceri2010).
- Romanescu, L. S. C., & Kaya, O. (2020). *Some Aspects Texture Eements in Art : The Case of Fashion Design*. Htit University. Turki.
- Sofwan Noerwidi. (2007). *Beberapa Seni Kriya Elemen Penanda Kehadiran Austronesia Di Kepulauan Indonesia*. Indonesia.
- Suhana Hussin. (2007). *Simbolik Dalam Masyarakat Melayu : Satu Kajian Interretasi Visual Terhadap Sirih*. Universiti Malaysia Sarawak. Malaysia.
- Tria Yusrina., & Mochammad Sigit Ramadhan. (2018). Pengaplikasi Teknik Shibori Dengan Eksplorasi Motif dan Tekstur Taktil Pada Produk Fashion. *ATRAT: Jurnal Seni Rupa*, 6(3).
- Wang, P. (2017). Talking about the Artistic Elements in Costume Design. In *2017 International Conference on Sports, Arts, Education and Management Engineering (SAEME 2017)* (pp. 351-354). Atlantis Press.